



**ANALISIS METAFORA BERASASKAN BUNGA
DALAM KARYA AGUNG PANTUN MELAYU:
BINGKISAN PERMATA BERDASARKAN TEORI
RELEVANS (TR) DAN RANGKA RUJUK SILANG
(RRS)**



ZARINA TAJUDDIN

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020**





ANALISIS METAFORA BERASASKAN BUNGA DALAM KARYA AGUNG
PANTUN MELAYU: BINGKISAN PERMATA BERDASARKAN TEORI
RELEVANS (TR) DAN RANGKA RUJUK SILANG (RRS)

ZARINA TAJUDDIN



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **15** (hari bulan) **DISEMBER** (bulan) 20**20**.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **ZARINA TAJUDDIN, M20142001385, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **ANALISIS METAFORA BERASASKAN BUNGA DALAM KARYA AGUNG PANTUN MELAYU: BINGKISAN BERDASARKAN ANALISIS TEORI RELEVANS (TR) DAN RANGKA RUJUK SILANG (RRS)** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PM DR. ANIDA BINTI SARUDIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **ANALISIS METAFORA BERASASKAN BUNGA DALAM KARYA AGUNG PANTUN: BINGKISAN PERMATA BERDASARKAN ANALISIS TEORI RELEVANS (TR) DAN RANGKA RUJUK SILANG (RRS)** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi "[sebahagian=>mod B & C/sepenuhnya=>PhD & mod A]" syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Saya sangat bersyukur ke hadrat Allah yang Maha Besar, Maha Mengasihani dan Maha Penyayang kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka saya diberikan kudrat dan kesihatan untuk menggenggam segulung ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu yang sangat bernilai dalam hidup saya di dunia ini. Sekalung budi dan sejuta penghargaan yang tidak terhingga saya dedikasikan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, motivasi dan perangsang kepada saya untuk menyiapkan kajian peringkat kedoktoran ini walaupun begitu banyak onak, duri dan ranjau yang sentiasa menghalang. Kekentalan hati, jiwa dan perasaan ini didorong kuat oleh semua ahli keluarga, khususnya suami tercinta Encik Abu Bakar Bin Hamzah dan anak-anak yang dikasihi. Saya tidak pernah melupakan jasa semua penyelia saya sepanjang menghabiskan pengajian di UPSI iaitu PM Dr Anida Sarudin dan Dr. Idris Radzi, Mereka sentiasa memberikan motivasi dan menyuntikkan semangat juang yang tinggi bagi mencapai bintang di langit walau kadang dirasakan tangan saya tidak cukup panjang untuk mencapainya.

Terima kasih Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI yang sentiasa prihatin atas permasalahan pelajar separuh masa seperti saya. Terima kasih Institut Pengajian Siswazah, UPSI yang cukup membantu dalam aspek pengurusan, pentadbiran dan teknikal selama tujuh tahun pengajian. Terima kasih semua kakitangan Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI yang sentiasa sudi 'melayan' karenah semua pelajar tanpa batasan usia dan keperluan. Akhir sekali, terima kasih kepada semua sahabat seperjuangan dan individu yang sentiasa berlapang dada membantu dan memudahkan saya sepanjang pendakian yang getir ini sehingga ke kemuncaknya. Hanya Allah yang akan membalas budi baik kalian yang mulia ini.





ABSTRAK

Kajian ini mendalami peranan flora dengan menfokuskan bait-bait pantun yang mengandungi unsur bunga sebagai metafora untuk menggambarkan tentang nilai estetika, peradaban, pemikiran dan akal budi leluhur bangsa Melayu. Objektif utama kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pemilihan metafora berasaskan bunga sebagai simbol yang bermakna dalam Karya Agung Pantun Melayu Harun Mat Piah, serta menganalisis metafora dan menghuraikan metafora berasaskan bunga sebagai asosiasi budaya dan sains dalam Karya Agung Pantun Melayu Harun Mat Piah menggunakan Teori Relevans (TR) dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Terdapat sebanyak 222 kuplet pantun pada bahagian pembayang dan maksud daripada sebanyak 4000 rangkap pantun yang terdapat dalam Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata Harun koleksi Harun Mat Piah (2001) mengandungi metafora berasaskan bunga yang ditemui dalam setiap bab, iaitu Bingkis Pemula (20), Bingkis Bicara (62), Bingkis Kasih (121) dan Bingkis Penutup (19). Berdasarkan jumlah ini, hanya 12 jenis bunga sahaja dipilih sebagai data kajian berdasarkan prosedur saringan dan mengambil kira jumlah kekerapan dan keunikan. Analisis metafora berasaskan bunga ini dengan menggunakan pendekatan Teori Relevans (TR) dan Teori Rangka Rujuk Silang (RRS). Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai makna metafora berasaskan bunga dalam Karya Agung Pantun Melayu : Bingkisan Permata Harun koleksi Harun Mat Piah (2001) seperti Tema Perasaan, Tema Keunggulan Tema Warisan, Tema Estetika dan Tema Mitos. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa metafora berasaskan bunga menerusi makna tema yang diperoleh yang terdapat dalam data kajian membawa Nilai Peradaban, Nilai Tamadun Bangsa, Nilai Budaya Bangsa, Nilai Keindahan dan Nilai Keunikan. Hal ini dapat menunjukkan bahawa penciptaan metafora berasaskan bunga dalam Karya Agung Pantun Melayu : Bingkisan Permata Harun koleksi Harun Mat Piah (2001) begitu tinggi daya pengamatannya dan teliti dalam penciptaannya oleh penukil pantun.





METAPHORICAL ANALYSIS ON THE USE OF FLOWERS IN THE GREAT WORK OF MALAY PANTUN ‘BINGKISAN PERMATA’ BASED ON THEORY OF RELEVANCE (TR) AND CROSS- REFERENCE FRAMEWORK (RRS)

ABSTRACT

This study explored the roles of flora by focusing on verses of poems which included elements of flower as metaphors to describe the aesthetic value, civilization, thoughts and common sense of the Malays. The main objective was to identify the choice of flower-based metaphors as meaningful symbols in the great works of Malay Pantun Harun Mat Piah. In addition, this study also analysed metaphors and explain flower-based metaphors as cultural and science associations in the great work of Malay Pantun Harun Mat Piah using the Theory of Relevance (TR) and Cross-References Framework (RRS). There are 22 couplet as hints and meanings from 4000 verses in the great work of Malay Pantun: *Bingkisan Permata Harun* in the collections of Harun Mat Piah (2001). There were evidences of flower-based metaphors found in each chapter: *Bingkis Pemula* (20), *Bingkis Bicara* (62), *Bingkis Kasih* (121) and *Bingkis Penutup* (19). From this amount, only 12 types of flowers were chosen as the data based on screening procedures and the total amount of occurrences and their uniqueness. The analysis of the flower-based metaphors were conducted using the Relevance Theory (TR) approach and Cross-References Framework (RRS). The research findings revealed that there were various meanings of flower-based metaphors in the great work of Malay Pantun: *Bingkisan Permata Harun*, the collection of Harun Mat Piah such as themes of feelings, excellence, inheritance, aesthetics and myths. The implications of the study indicated that flower-based metaphors through the meanings of themes obtained from the data carried values of Civilization, Civilization of the Nation, Culture of the Nation, Beauty and Uniqueness. This also indicated that the creation of flower-based metaphors in the great work of Malay Pantun: *Bingkisan Permata, Harun* the collection of Harun Mat Piah (2001), was so high in its observation and meticulous in its creation by the poet.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI GAMBAR	xii

BAB I PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.2	Metafora dalam Pantun Melayu	6
1.3	Permasalahan Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Persoalan Kajian	13
1.6	Batasan Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	18
	1.7.1 Wahana Mendidik Peradaban Bangsa	18
	1.8.2 Menambah Pengetahuan Sebagai Rujukan Khazanah Alam Melayu	19
1.8	Definisi Operasional	20
	1.8.1 Penegertian Metofoa	22
	1.8.2 Metafora Berasaskan Bunga	22
	1.8.3 Metafora Berasaskan Bunga Sebagai Perlambangan Sifat Manusia	23
	1.8.4 Metafora Berasaskan Bunga Melambangkan Sifat Manusia	24
	1.8.5 Variasi Makna Metafora Berasaskan Bunga	25
	1.8.6 Metafora Berasaskan Bunga Dalam Puisi Nama Orang	27

1.9	Pantun Melayu	28
1.10	Kesimpulan	34

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	36
2.1	Metafora Konseptual	37
2.2	Metafora dalam Pantun sebagai Kajian Makna Inkuisitif	38
2.3	Metafora dalam Pantun sebagai Hubungan akal budi Dan pemikiran	43
2.4	Metafora dalam Pantun sebagai Peradaban Budaya dan bangsa	52
2.5	Kesimpulan	54

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	58
3.1	Reka Bentuk Kajian	58
3.2	Kerangka Teori Relevans (1986)	61
	3.2.1 Konteks	62
	3.2.2 Kesan Konteks	63
	3.2.3 Kos Proses	64
	3.2.4 Konsep Adhoc	65
	3.2.5 Teori Rangka Rujuk Silang (Kempson 1984)	67
3.3	Intrumen Kajian	68
3.4	Proses Pengumpulan Data	70
	3.4.1 Fasa 1:Pengisihan Rangkap Pantun Mengikut Kategori	70
	3.4.2 Fasa 2:Pengkodan Data	71

3.5	Proses Analisis Data	78
3.5.1	Fasa 1: Cerakinan Domain Sumber Dan Domain Sasaran	78
3.5.2	Fasa 2: Membuat Huraian (Andaian Implikatur) bagi Domain Sasaran	79
3.4.3	Fasa 3: Interpretasi berdasarkan Teori Relevans (1986) dan Teori Rangka Rujuk Silang (1984)	79
3.6	Analisis Rintis	80
3.6.1	(Andaian Implikatur) Metafora Bunga Mawar dalam Pantun Melayu : Bingkisan Permata Harun Mat Piah (2001)	80
3.6.2	Permaknaan Metafora Bunga Mawar dalam Pantun Melayu: Bingkisan Permata Koleksi Harun Mat Piah (2001) Berdasarkan Teori Relevans (1986)	81
3.7	Pemaknaan menggunakan Rangka Rujuk Silang (1984)	85
3.8	Rumusan Analisis	86
3.9	Kesimpulan	87

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	88
4.1	Analisis Jenis Bunga Jenis Bunga Mengikut Pilihan Pentemaan	89
4.1.1	Analisis Metafora Berasaskan Bunga Sebagai Tema Perasaan	93
4.1.2	Analisis Metafora Berasaskan Bunga Sebagai Tema Keunggulan	99
4.1.3	Analisis Metafora Berasaskan Bunga Sebagai Tema Warisan	106
4.1.4	Analisis Metafora Berasaskan Bunga Sebagai Tema Estetika	110
4.1.5	Analisis Metafora Berasaskan Bunga Sebagai Tema Mitos	114

4.2	Analisis Metafora Berasaskan Bunga Teori Relevans (1986)	116
4.2.1	Analisis Metafora Bunga Berasaskan Bunga Sebagai Tema Perasaan	117
4.2.2	Analisis Metafora Bunga Berasaskan Bunga Sebagai Tema Keunggulan	151
4.2.3	Analisis Metafora Bunga Berasaskan Bunga Sebagai Tema Warisan	169
4.2.4	Analisis Metafora Bunga Berasaskan Bunga Sebagai Tema Estetika	191
4.2.5	Analisa Metafora Bunga Berasaskan Bunga Sebagai Tema Mitos	204
4.3	Kesimpulan	214

BAB V RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.0	Pengenalan	215
5.1	Rumusan Dapatan	216
5.2	Perbincangan Kajian	221
5.3	Implikasi Kajian	221
5.4	Penyelidikan Lanjutan	222
5.5	Kesimpulan	222

RUJUKAN	225
----------------	-----

LAMPIRAN



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Kajian	60
2	Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata (Harun Mat Piah:2001)	70
3	Bunga tanjung	119
4	Bunga tanjung yang diadaptasi dari lirik lagu	124
5	Bunga kenanga	132
6	Bunga cina	141
7	Bunga Kemuning	146
8	Bunga mawar	154
9	Bunga melur	159
10	Pokok bunga angkana	171
11	Bunga dedap	177
12	Bunga lalang	193
13	Bunga nenas	201
14	Bunga Bakawali	208



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Jadual Analisis Senarai Semak	69
2 Jadual Perincian Data	73
3 Jadual Analisis Kekerapan Metafora mengikut Pentemaan	77
4 Jadual Proses Analisis Data	79
5 Jadual Analisis Kekerapan Metafora mengikut Pentemaan	92
6 Jadual Analisis bunga tanjung berdasarkan makna selapis	118
7 Jadual Analisis bunga kenanga berdasarkan makna selapis	129
8 Jadual Analisis bunga cina berdasarkan makna selapis	138
9 Jadual Analisis bunga kemuning berdasarkan makna selapis	153
10 Jadual Analisis bunga mawar berdasarkan makna selapis	154
11 Jadual Analisis bunga melur berdasarkan makna selapis	158
12 Jadual Analisis bunga mawar tema keunggulan keperibadian berdasarkan makna selapis	163
13 Jadual Analisis bunga tanjung tema warisan berdasarkan makna selapis	185
14 Jadual Analisis bunga angkana berdasarkan makna selapis	161
15 Jadual Analisis bunga dedap berdasarkan makna selapis	176
16 Jadual Analisis bunga lalang berdasarkan makna selapis	193
17 Jadual Analisis bunga nenas berdasarkan makna selapis	200
18 Jadual Analisis bunga bakawali berdasarkan makna selapis	207



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



xii
ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



Metafora yang dicipta dalam pantun Melayu oleh masyarakat terdahulu menggambarkan pengalaman, persekitaran, nilai dan sentimen yang dianuti oleh sesebuah masyarakat. Menurut Aziz Deraman (2007), melalui budaya seseorang individu boleh mengetahui struktur ilmu, alam dan taburan masyarakatnya. Dengan kata lain mengetahui budaya, bermakna kita mengetahui *worldview* atau pandangan terhadap kehidupan dan dunia dalam sesebuah masyarakatnya. Menurut Harun Mat Piah, (1989), penyelidikan dan pembicaraan mengenai metafora dalam pantun Melayu telah bermula sejak dahulu. Pelbagai tafsiran dan persoalan pantun telah dibangkitkan dalam kalangan pengkaji tempatan mahupun orientalis, manakala Mohd Taib (1988) dan Saidatul Nornis (2007), pula memberi tafsiran *worldview* merupakan pemikiran masyarakat hasil intepretasi alam sekelilingnya. Hubungan manusia dengan





persekitaran, dikaitkan melalui imej hasil daripada pengalaman manusia yang tersimpan dalam minda mereka. Begitu jugalah pemikiran yang dapat dicungkil dalam pantun-pantun Melayu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa hubungan pantun dari sudut kuplet-kuplet maksud dan pembayang, susunan dan pemilihan kata, ciri-ciri linguistik dan rima banyak menggunakan metafora sebagai bahasa kiasan atau perluasan makna bagi memberi interpretasi yang lebih bermakna.

Metafora dalam pantun Melayu berstruktur simetrikal, iaitu unsur-unsur kecerdasan dalam pantun diperluaskan maknanya menggunakan unsur alam, flora dan fauna kerana imej yang terpilih itu mampu memberikan bayangan maksud yang tersirat serta lestari dari segi sifatnya. Salah satu metafora yang kerap ditemukan dalam pantun adalah menerusi imej bunga. Untuk menjelaskan perkara tersebut, kajian ini akan menganalisis metafora berasaskan bunga dalam pantun bagi meneliti kesamaan makna metafora berasaskan bunga dengan mesej yang dihajatkan oleh pengkarya. Kajian ini memilih sebilangan pantun yang terkumpul dalam buku *Pantun Melayu: Bingkisan Permata* (koleksi Harun Mat Piah, 2001) sebagai data kajian.

Menurut Hassan Ahmad (2016) lagi, pembayang maksud dalam bait pantun mahupun dalam peribahasa menggambarkan akar imaginatif manusia Melayu, manakala rangkap maksud membayangkan akal rasionalnya. Rangkap pantun boleh berupa ungkapan harfiah dan boleh juga berupa metafora, iaitu berlakunya proses pemetaan atau hubungan semantik antara rangkap pantun. Contohnya, pantun berikut:-





Anak beruk dimakan siput, }
 Disambar oleh buaya katak, } B
 A { Laksana lambuk ditengah laut,
 Tenggelam timbul dilambung ombak

(Sumber: Harun Mat Piah; 1989)

Hassan Ahmad (2016) menjelaskan berkaitan pantun tersebut bahawa rangkap pertama bercorak fantastik. Hal ini demikian kerana Hassan Ahmad (2016) lebih menyetujui dengan anggapan bahawa B sebagai gambaran A. Gambaran atau citraan dibentuk oleh akar imaginatif atau perasaan manusia yang tidak difantasi oleh pemikiran yang konseptual atau analitik. Gambaran ini boleh jadi berfungsi sebagai pembayang maksud atau bersifat struktural sebagai persediaan rangkap A, boleh jadi dapat berdiri sendiri sebagai ungkapan harfiah atau metafora, tetapi fungsinya yang lebih ketara ialah sebagai penghubung ikonik dan simbolik atau alam visual (gambar) dari alam luar (alam fenomena) ke alam konseptual ke alam pemikir pemantun. Oleh itu, hubungan antara B dengan A dalam pantun dapat dianggap sebagai skema kognitif yang sangat kompleks bentuk atau strukturnya.

Berdasarkan pantun di atas, Hassan Ahmad (2016) menjelaskan rangkap kedua merupakan metafora pantun ini. Orang yang hidupnya tidak berpedoman diumpamakan sebagai *lambuk atau perahu yang tenggelam atau timbul dilambung ombak*. Leksikal-leksikal ini merupakan ungkapan harfiah yang menyatakan makna hidup yang tidak berpedoman seperti *lambuk dilambung ombak*. Hassan Ahmad (2016) mengulas lagi bahawa orang seperti ini sama seperti kisah anak beruk yang kehilangan ibunya (mungkin, lalu ditimpa nasib malang: dimakan oleh siput,





disambar buaya katak pula yang mengumpamakan kejadian yang pelik dan fantastik. Metafora dalam rangkap pantun ini juga boleh berfungsi sebagai gambaran jelas untuk membayangkan betapa malangnya nasib orang yang tenggelam timbul dalam lautan hidup (Hassan Ahmad, 2016).

Dari sudut linguistik, Lakoff dan Johnson (2003) menyatakan bahawa metafora sebagai pemahaman sesuatu berdasarkan konsep pemahaman sesuatu yang lain. Dengan memahami sesuatu domain konseptual berdasarkan domain yang maknanya bersifat harfiah (domain sumber). Satu generalisasi penting yang wujud hasil daripada metafora konseptual adalah bahawa metafora konseptual biasanya mengamalkan konsep konkrit sebagai sumber, manakala konsep abstrak atau fizikal sebagai sasaran. (Zoltan Kovecses, 2010). Metafora Konseptual bertindak sebagai aset pemetaan dengan menggunakan perkataan ‘kepada’ / to atau untuk mencirikan hubungan antara dua konsep (A dan B) dalam proses metafora. Perkataan ‘kepada’ / to atau yang merujuk kepada maksud “difahami”, adakah maksudnya tepat atau memiliki pelbagai maksud lain. Pemetaan metafora konseptual membawa erti bahawa terdapat satu set keserupaan sistematik (*systematic correspondences*) antara domain sumber dan domain sasaran dalam erti kata bahawa unsur-unsur konsep konstituen dalam B sesuai dengan unsur-unsur konstituen A.

Menurut Za’ba (2002), semua bahasa penuh dengan peribahasa, bidalan, perumpamaan, mengikut kadar kemajuan bahasa itu. Hal ini ni bermakna bahawa manusia berfikir dan membentuk konsep-konsep dalam tentang dirinya, tentang lingkungan sosialnya dan tentang alam kosmos melalui wacana atau isinya yang





bersifat literal semata-mata atau tafsiran mendalam sehingga boleh memahami maksudnya yang tersirat dan memahami konteks (Hassan Ahmad, 2016). Metafora Melayu dibentuk melalui kaedah atau proses perumpamaan atau perbandingan atau jenis yang bersifat analogis, kiasan, bidalan, yang disampaikan melalui pelbagai jenis simpulan bahasa, peribahasa, pepatah, mitonomi atau personafikasi. Pantun juga tergolong dalam kategori simpulan bahasa. Orang Melayu sering memilih perkataan berdasarkan kreativiti pemikiran mereka dalam menggambarkan mesej yang hendak disampaikan. Hal ini bermakna proses berfikir manusia bersifat bebas dan terbuka. Pelbagai bentuk metafora dihasilkan oleh orang Melayu, iaitu metafora metafizik, metafora dalam bentuk cerita, metafora personifikasi dan metafora metonomi. Pandangan ini disokong oleh Chomsky (1986) yang mengandaikan bahawa manusia mengetahui bahasanya secara intuitif bererti manusia itu mempunyai kebolehan, *language competence* atau kecekapan linguitik. Hassan Ahmad (2016), mentakrifkan bahawa metafora sebagai bahan yang penting untuk mengkaji akal budi dan cara orang Melayu berfikir dan memahami realiti alam sekitar.

Unsur alam biasanya dijadikan pantun sebagai elemen sandaran untuk menaakul. Terdapat analogi dan filosofis yang objektif dalam penggunaan perlambangan unsur alam ini. Elemen alam yang agak dominan diterapkan dan menjadi pilihan pengkarya dalam menyerlah unsur perasaan, aura estetika dan nilai masyarakat misalnya, bunga. Metafora berasaskan bunga sering digunakan dalam persembahan nukilan pantun seperti yang dilakukan oleh pengkarya seperti Muhammad Hj Salleh (1980), Tenas Effendy (1990), Za'ba (1991), Braginsky (1994) dan Harun Mat Piah (1997).





Oleh itu, kajian pantun ini dilakukan dengan justifikasi untuk meneliti makna metafora berasaskan bunga dalam pantun dengan mesej yang dihajatkan oleh pengkarya. Kajian ini memilih Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata koleksi Harun Mat Piah (2001) sebagai data kajian.

1.2 Metafora Berasaskan Bunga dalam Pantun Melayu

Menurut Hassan Ahmad (2003) ungkapan metafora konseptual ataupun abstrak tersebut tidak sahaja lahir secara spontan atau menurut sesedap rasa hati pemikirnya sahaja tetapi berdasarkan pengalaman yang berpanjangan dan melalui renungan akliah pemikir Melayu berinteraksi dengan alam sekelilingnya. Menurut Fatimah Subet (2018), metafora ialah perbandingan secara langsung sesuatu unsur dengan sesuatu unsur yang lain secara terus tanpa menggunakan kata-kata perbandingan yang ditemui dalam simile seperti laksana, bak, bagai, macam, ibarat, umpama, se.. dan seperti. Selain itu, metafora juga mengemukakan perbandingan antara unsur yang konkrit dan abstrak. Metafora dalam pantun Melayu merentasi kehidupan seharian masyarakat Melayu terdahulu dan masa kini masih menggunakan bahasa kiasan dan perlambangan dalam menyampaikan pemikiran, perasaan, tindakan secara tidak langsung dan berhemah, untuk mendidik pendengar.

Perlambangan atau bahasa kiasan seperti metafora seringkali dimanfaatkan sebagai wahana menyatakan maksud dan tujuan tertentu. Konteks perspektif barat misalnya, menerusi pandangan Lakoff dan Johnson (1980) yang mendeskripsikan bahawa metafora sangat rapat dalam kehidupan harian kita, perkaitan ini bukan





sahaja dalam bahasa, tetapi juga dalam pemikiran dan juga tingkah laku kita. Sistem konseptual kita, iaitu cara kita berfikir dan bertindak sebenarnya berasaskan metafora secara semulajadi. George Lakoff (1990), pula menghuraikan metafora sebagai bahagian sistem pemikiran dan tindakan manusia. Manusia berfikir dengan melihat kemiripan satu pengalaman dengan sesuatu yang lain dan dijelaskan melalui ungkapan yang bermetafora. Menurut Za'ba (2002), metafora didefinisikan sebagai peribahasa yang menyampaikan sesuatu makna dengan mengumpamakan atau mengkiaskan sesuatu perkara lain dan erti yang menjadi dua lapis.

Dengan kata lain, pengguna bahasa mencipta metafora bersumberkan alam, pengalaman dan persekitaran bertujuan untuk mewakili hasrat hati mereka. Oleh itu, beliau merumuskan bahawa metafora merupakan pemetaan konsepsi bersandarkan pandangannya terhadap dunia sekeliling secara berhemah dan berkesan sehingga mampu menyerlahkan mesej ujaran.

Dalam wahana perbincangan Melayu, Asmah Haji Omar (2008), menyatakan bahawa metafora digunakan sepanjang masa dalam bahasa sehari-hari tanpa kita menyedarinya. Beliau menyatakan bahawa melalui penciptaan metafora, hasil daripada proses manusia menaakul dan mengamati dunia sekelilingnya. Oleh itu, beliau merumuskan bahawa metafora terbit daripada keupayaan pemikiran manusia mentafsir alamnya. Dalam perspektif ini, Hassan Ahmad (2003) turut merumuskan tiga fakta atau proses penting dalam pembentukan pemikiran Melayu melalui metafora, iaitu:





- (a) metafora dan hasilnya pemikiran Melayu, terbentuk melalui proses pengalaman, akliah, dan renungan, dan intuisi atau ‘rasa hati’ sekaligus;
- (b) metafora Melayu dibentuk oleh manusia Melayu yang bijak dan pantas fikirannya;
- (c) metafora Melayu menghasilkan suatu sistem pandangan hidup bersama bangsa Melayu atau sistem rangkaian sosial pemikiran Melayu melalui evolusi sosial.

Hassan Ahmad (2003) menegaskan bahawa pemikiran Melayu tidak sampai ke tahap membuat kesimpulan berdasarkan andaian yang tidak benar. Hal ini demikian kerana pemikiran Melayu adalah berdasarkan dua kaedah asas, iaitu menguji ‘konsep’ atau pemikirannya melalui pengalaman sebelum konsep itu dapat diterima kebenarannya dan berdasarkan ‘kepercayaan’ yang merentas keterbatasan alam fizik untuk memikirkan hal-hal yang ghaib sesuai dengan firman Allah dalam kitab Al-Quran, dengan menggunakan kaedah atau hujah tamsil ibarat.

Bertitik tolak daripada fenomena ini, maka kajian ini akan mengkhususkan koleksi pantun yang memanifestasikan metafora berasaskan bunga yang dikumpulkan oleh pengkarya tersohor, iaitu Harun Mat Piah dalam Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata (2001). Melalui kupasan pantun tersebut yang dilatari oleh sifatnya sebagai identiti Melayu yang unggul, analisis ini diharapkan dapat memberi kesan wahana retorika pantun Melayu dalam perspektif akal budi Melayu. Pengumpulan data pantun yang melibatkan hasil kolektif tradisi masyarakat Melayu, masa lampau dan masa kini, iaitu melibatkan sejumlah 4000 pantun telah berjaya disisihkan dalam perspektif metafora berasaskan bunga.





1.3 Permasalahan Kajian

Sesebuah penyelidikan memerlukan sebuah permasalahan sebagai panduan kepada pengkaji bagi membentuk objektif kajian. Terdapat banyak isu perluasan makna, perlambangan atau metafora yang belum lagi diterokai secara lebih mendalam oleh para pengkaji. Metafora dalam pantun membongkar minda Melayu melalui pelbagai aspek siratan makna yang lebih konkrit dan jitu. Diksi-diksi yang digunakan dalam setiap penciptaan pantun jelas menggambarkan keseluruhan hidup masyarakat menggunakan bahasa metafora. Metafora dalam pantun telah diguna pakai untuk menzahirkan segala yang tersurat dan tersirat bagi memberi makna akhlah masyarakat Melayu. Kenyataan ini turut dikuatkan lagi melalui pernyataan yang diberikan oleh Harun Mat Piah (2007) yang menyatakan bahawa metafora dalam pantun ialah lambang tersirat pemikiran orang Melayu. Setiap kajian terhadap sesuatu bidang juga dilakukan kesan daripada permasalahan atau sesuatu persoalan yang tidak terjawab dalam kajian-kajian oleh pengkaji terdahulu. Begitu juga halnya dengan pantun Melayu. Dalam hal ini, tidak dinafikan bahawa perbicaraan tentang pantun telah banyak dilakukan, namun kupasan terperinci tentang pantun Melayu kebanyakannya tertumpu pada aspek sastera, sintaksis dan tidak kurang juga kajian yang melihat aspek morfologi. Terdapat aspek lain yang belum lagi diterokai oleh para pengkaji terutamanya dalam konsep metafora sebagai bahasa perlambangan yang harus dilihat makna yang meluas kerana sebelum ini metafora hanya diuraikan secara selapis sahaja, iaitu memperincikan metafora merujuk kepada makna semata-mata tanpa mengaitkan dengan domain yang membina makna metafora berasaskan bunga secara terperinci.





Lantaran daripada permasalahan ini, kajian akan meneliti sejauh mana metafora berasaskan bunga dimanfaatkan sebagai lambang dalam konteks pemikiran Melayu. Pengkaji menghuraikan kajian-kajian lalu kepada beberapa bahagian, iaitu Metafora Dalam Pantun Sebagai Kajian Makna Inkuisitif, Metafora Dalam Pantun Sebagai atau Pemikiran atau Akal Budi dan Metafora Dalam Pantun Sebagai Peradaban Budaya dan Bangsa. Kesemua label kajian-kajian lalu ini diberikan berdasarkan fokus kandungan kajian-kajian tersebut yang berasaskan kajian terhadap pantun. Bagi tujuan ini, kajian alternatif ini menggunakan pantun dalam *Karya Agung Bingkasan Permata* sebagai bahan perbincangan. Apakah akal budi yang terkandung dalam pantun masyarakat Melayu? Selain itu, permasalahan kajian ini ingin meneliti bagaimana pula gambaran akal budi berkenaan cuba dipetakan dengan menggunakan Teori Relevans. Bertitik tolak daripada permasalahan dan persoalan tersebut, kajian ilmiah ini perlu dijalankan lantas menjawab persoalan berkaitan akal budi yang terkandung dalam pantun masyarakat Melayu dengan mengaplikasi makna inkuisitif untuk mentarif metafora berasaskan bunga dengan lebih bermakna. Dalam erti kata lain, pantun merupakan salah satu cara terbaik dan berkesan dalam membuat penelitian mengenai makna inkuisitif, akal budi Melayu dan adab budaya bagi mengisi kelompondan pada kajian lepas yang turut mengaplikasi Teori Relevans dan Teori Rangka Rujuk Silang sebagai medium kupasan makna yang lebih luas.

Perspektif Metafora dalam Pantun Sebagai Kajian Makna Inkuisitif bermaksud kajian-kajian metafora diteliti dari aspek falsafah pemikiran penukilnya. Kajian-kajian lepas yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji yang dikategorikan dalam





kumpulan ini ialah Hassan Ahmad (2003), Lim Kim Hui (2003), Arba'ie Sujud (2011), Mohd Rashid Md. Idris (2009), Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2016), Khalila Ismail dan Mohd Faizal Musa (2016). Kekuatan kajian ini sedikit sebanyak memberi cambahan pemikiran bahawa penciptaan pantun didasari oleh falsafah pemikiran yang tinggi dan estetik, namun penghuraian metafora terbatas kepada nilai puitis dan bukan pemerian deskriptif dan saintifik. Kajian-kajian dalam kategori ini juga bersifat kajian permukaan dan pemaparan manifestasi dan bukan bersifat analitikal.

Kategori kajian dalam perspektif Metafora dalam Pantun Sebagai Hubungan Akal Budi atau Pemikiran melibatkan pengkaji-pengkaji seperti Hassan Ahmad (2003), Abdullah Hassain (2005), Nor Hashimah Jalaluddin (2014), Muhammad Fazillah Hj Zaini (2015), Jyh Wee Sew (2015), Julaina Nopiah, Nor Hashimah dan Junaini Kasdan (2016), Junaini Kasdan, Nor Hashimah dan Wan Nurasikin (2016) dan Zulkifley dan Nirwana (2017). Kajian-kajian ini walaupun diteliti telah menganalisis metafora dalam pantun dalam bentuk analisis deskriptif dan sesetengah kajian tersebut terdapat teori yang autentik, namun penghuraian metafora tidak dapat dianggap sebagai mengandungi proses pemikiran yang kompleks kerana generalisasi yang diterbitkan hanya memperlihatkan fenomena pemerhatian terhadap lakuan bahasa dan interaksi dengan alam sekelilingnya dan bukan bersifat persoalan inkuisitif.

Selain itu, kajian-kajian yang terangkum dalam Metafora dalam Pantun Sebagai Peradaban Budaya dan Bangsa melibatkan pengkaji seperti Imran Ho-Abdullah (2011), Wen Zhao (2012), Hishamudin Isam dan Mashetoh Abd Mutalib





(2015), Kartini Abd Wahab (2016), Noraini Abdul Shukor dan Tengku Intan Marlina (2016), Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2018). Kajian dikupas dari sudut perbincangan yang tidak mendeskripsikan bagaimanakah peranan budaya itu dimanifestasikan melalui metafora yang terdapat di dalam pantun dengan jelas dan mendalam. Kajian-kajian ini juga tidak menyentuh perbincangan berkaitan implementasi metafora bunga yang banyak didominasi dalam pantun Melayu.

Bertitik tolak daripada hal ini, maka kajian lanjutan yang mengkaji metafora berasaskan bunga dalam pantun Melayu perlu diteliti dengan lebih mendalam agar penghuraian yang kritis berkaitan hubungan domain sumber dan domain sasaran yang diprojeaksikan dalam metafora dapat diwajarkan secara berpeda berlandaskan teori yang relevan seperti Teori Relevans (1986) dan Teori Rangka Rujuk Silang (1984)



1.4 Objektif Kajian

Tujuan penyelidikan ini dibuat berasaskan tiga (3) objektif dominan;

- a) Mengenal pasti pemilihan metafora berasaskan bunga dalam pantun yang dikaji.
- b) Menganalisis metafora berasaskan bunga berdasarkan Teori Relevans (1986) dan Rangka Rujuk Silang (1984).
- c) Menghuraikan justifikasi metafora berasaskan bunga sebagai asosiasi budaya dan sains dalam pantun yang dikaji berdasarkan Teori Relevans (1986) dan Rangka Rujuk Silang (1984).





1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan tersebut:

- a) Apakah jenis bunga yang dijadikan sebagai metafora dalam pantun ?
- b) Apakah makna metafora berasaskan bunga berdasarkan Teori Relevans (1986) dan Teori Rangka Rujuk Silang (1984)?
- c) Bagaimanakah simbolik dan justifikasi metafora berasaskan bunga sebagai asosiasi budaya dan sains berdasarkan Teori Relevans (1986) dan Rangka Rujuk Silang (1984)?

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini bersifat kualitatif. Kajian ini menganalisis pantun yang mengandungi metafora berasaskan bunga. Data dalam kajian ini diperolehi dalam Karya Agung Pantun Melayu :Bingkisan Permata koleksi Harun Mat Piah (2001), Terbitan Yayasan Karyawan, pewajaran memilih karya ini merupakan naskah Karya Agung yang telah diiktiraf oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Kajian ini telah membuat kategori terhadap pantun-pantun yang terdapat dalam karya tersebut mengikut jenis bunga. Pantun-pantun ini kemudian disaring mengikut pentemaan yang terdapat dalam bab seperti berikut;



Bab	Kandungan Bab	Sub Tema Bab
Bingkis Pemula	Memulakan bicara, majlis atau warkah. Dimulai dengan “Awal Bismillah” yang merupakan kata alu-aluan memulakan majlis.	Pantun berkaitan adat susila bangsa Melayu, iaitu merujuk kepada Tema Keunggulan Pekerti
Bingkis Bicara	Adat dan Etika”, “Agama dan Pengajaran”, “Peribahasa, Kiasan dan Ibarat” dan kemudian tentang “Perantauan dan Nasib	Pantun berkaitan nilai, iaitu merujuk kepada Tema Estetika
Bingkis Kasih	Perasaan “Cinta Bersemi”, “Hasrat Tercapai”. Bab ini diakhiri dengan tema “Kasih Terhalang”	Pantun berkaitan hasrat dan perasaan, iaitu merujuk kepada Tema Perasaan.
Bingkis Penutup	Dikategori dalam beberapa bab iaitu “Tanggapan dan Renungan” sebagai pengalaman dan ingatan dalam kehidupan	Pantun berkaitan daya taakul masyarakat terhadap khazanah alam, iaitu merujuk kepada Tema Warisan, Estetika dan Mitos.

Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata koleksi Harun Mat Piah (2001) mengandungi 4000 koleksi pantun dari pelbagai genre penulisan dan penyair di rantau Nusantara pada zaman tradisi. Karya agung ini telah diklasifikasikan kepada beberapa bahagian, seperti berikut:-

i. **Bingkis Pemula**

Dalam Bingkis Pemula terdapat metafora berasaskan bunga. Bunga-bunga tempatan seperti bunga tanjung, cempaka, rampai, sena, lada, angsoke, dedap dan labu. Pengkaji memilih bunga tanjung untuk mendapatkan makna metafora berasas bunga yang lebih jelas dan jitu dalam menukilkan tentang warisan dan adat resam Melayu. Bab dalam



Bingkis Pemula merujuk kepada pantun-pantun dengan maksud memulakan bicara, majlis atau warkah. Dimulai dengan “Awal Bismillah” yang merupakan kata aluan memulakan majlis. Metafora berasaskan bunga dalam bingkis ini, memberi perluasan makna tentang adat susila bangsa Melayu.

ii. Bingkis Bicara

Makna bunga dalam Bingkis Bicara mengetengahkan banyak bunga-bunga tempatan sebagai metafora bagi mendapatkan perluasan makna yang lebih berinterpretasi bagi memberi makna yang lebih mendalam, iaitu bunga melur, tanjung, melati, kenanga, mawar, delima. Terdapat 62 (rujuk analisis dapatan) jenis bunga dalam Bingkis Bicara, pengkaji menghurai bunga mawar, kenanga, cina dan kemuning dalam menjelaskan maksud metafora berasaskan bunga yang lebih dominan.

Bingkis Bicara mengandungi pembicaraan dalam tema-tema yang agak serius, bermula tentang “Adat dan Etika”, “Agama dan Pengajaran”, “Peribahasa, Kiasan dan Ibarat” dan kemudian tentang “Perantauan dan Nasib.

i. Bingkis Kasih

Metafora berasaskan bunga dalam Bingkis Kasih merujuk pantun percintaan. Bunga-bunga di beri perluasan makna bagi mendapatkan tema yang lebih jelas dalam bahasa kiasan yang berlapik dan tersirat. Metafora bunga yang terdapat dalam bingkis ini sebanyak 121 jenis (rujuk dapatan analisis) bunga cempaka, melur, melati, kemuning, kiambang misalnya dalam “Cinta Bersemi”, “Hasrat Tercapai”. Bab ini diakhiri dengan tema “Kasih Terhalang” dengan maksud perasaan cinta, harapan dan kasih





yang diinginkan tidak tercapai, terhalang oleh peristiwa-peristiwa yang membawa kepada perpisahan, sama ada buat sementara atau selama-lamanya. Pewajaran mewakili metafora berasaskan bunga cina dan bunga kemuning.

ii. Bingkis Penutup

Metafora berasaskan bunga dalam Bingkis Penutup bunga-bunga tempatan yang dianggap mitos oleh masyarakat Melayu, iaitu bunga bakawali merupakan pantun-pantun penutup pembicaraan, dengan dikategori dalam beberapa bab, iaitu “Tanggapan dan Renungan” sebagai pengalaman dan ingatan dalam kehidupan bermasyarakat. Ini diikuti dengan pantun yang dihasilkan melalui kegiatan seni dan budaya untuk menggambarkan konteks penggunaan metafora berasaskan bunga dalam pantun-pantun tersebut.

Atas dasar taraf karya ini merupakan karya himpunan koleksi agung pantun-pantun Melayu yang dinukilkan oleh penulis tersohor, seperti R.J. Wilkinson (An Introduction to Classical Malay Literature –AICML, 1932), Goh Thean Chye (An Introduction to Malay Pantun -AIMP -1980), Darus Ahmad (Alam Puisi Melayu- APM1, 1957), Francoise Rene’-Daillli- APM 2, 1988), Zainal Abidin Bakar (Kumpulan Pantun Melayu dalam Berita Minggu- BM 1983), Oma de Sequire (Berbalas Pantun-BP, 1966), Hamsiah Abdul Hamid (Bongsu Pinang Peribut- BPP, 1964), Jamilah Haji Ahmad (Cerita Sulung Jawa- CSJ, 1978), Zainal Abidin bin Ahmad (Kalung Bunga Buku 1-KB, 1964), Anwar Ridhuan (Koleksi Pantun Hans Overbeck –KHO), Kurik Kundi Merah Saga-Kumpulan Pantun Lisan Melayu-





KKMS), Tengku Iskandar Alibasyah (Kesusasteraan klasik Melayu Sepanjang Abad-KKMSA, 1995), Koleksi Pantun Brunei Darussalam, Koleksi Pantun Lisan, Harun Aminurrashis (Kajian Puisi Melayu-KPM1, 1960), Zainal Abidin Bajar (Kumpulan Pantun Melayu-KPM2, 193), Zainal Abidin Bakar (Koleksi Pantun Zakaria Hitam (KPZH-1983), Setiamulia (Lima Puluh Pantun-LPP, 1965), Ghazali Dunia (Langgam Sastera Lama-LSL, 1984) dan ramai lagi (rujuk Lampiran A), karya ini dipilih untuk dikaji. Pembahagian bab juga meliputi himpunan pantun dari aspek kanak-kanak, adat, sosial dan pengajaran kehidupan memadai untuk diteliti bagi melakukan generalisasi rintis berkaitan justifikasi metafora bunga dalam pantun Melayu. (Koleksi Karya Agung Pantun Melayu : Bingkis Permata Harun Mat Piah, 2001)

Daripada kesemua bab tersebut, pantun yang memiliki metafora berasaskan bunga telah dipilih. Terdapat 222 kuplet pantun daripada bahagian pembayang dan maksud yang memiliki metafora berasaskan bunga telah dapat disaring. Metafora berasaskan bunga yang memiliki kekerapan yang paling tinggi berdasarkan jenis bunga telah dipilih sebagai data kajian. Namun begitu, terdapat juga metafora berasaskan bunga dalam pantun yang sedikit kekerapannya tetapi tetap dipilih sebagai data kajian kerana mengandungi makna yang berlainan.

Metafora berasaskan bunga dipilih dari sub-sub topik dalam Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata tersebut. Penelitian dari sub topik *Bingkis Pemula*, *Bingkis Bicara*, *Bingkis Kasih*, dan *Bingkis Penutup* terdapat 12 jenis bunga yang kekerapan berulang paling tinggi dalam pantun merangkumi metafora berasaskan bunga berkonsepsi kepada perasaan, keunggulan, warisan, estetika dan mitos.





1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sumbangan dalam wadah berikut;

1.7.2 Wahana Mendidik Peradaban Bangsa

Penghuraian metafora berasaskan bunga dalam pantun Melayu menghasilkan generalisasi rintis berkaitan peradaban bangsa dan budaya Melayu. Wahana pantun telah menjadi elemen pengajaran dan terkandung dalam kurikulum sekolah. Hal ini demikian kerana warisan pantun ini patut menjadi titik tolak dalam membentuk peradaban anak-anak masa kini. Genre pantun kian terpinggir dan dilupakan oleh pelajar masa kini. Oleh yang demikian, bahasa kiasan menjadi wadah penting untuk proses mendidik. Dalam usaha meneruskan warisan pantun, penulisan pantun di sekolah merupakan kaedah yang dapat menarik kembali minat dan budaya berpantun dalam kalangan pendidik dan pelajar. Bagi melahirkan pelajar yang meminati genre tradisional ini, usaha tidak boleh sekadar *melepaskan batok di tangga*, kerana aktiviti pembelajaran berteraskan pantun perlu memiliki kesinambungan. Pengembangan idea menerusi metafora dan bahasa kiasan yang selalu dianggap sukar, tambahan pula untuk menyusun kuplet-kuplet pembayang, maksud, rima serta pemilihan leksikal memerlukan aras pemikiran yang tinggi. Menyedari hal ini, pengkaji optimis mengesyorkan unsur dan fungsi bahasa kiasan atau metafora dalam penulisan pantun sangat penting dikaji bagi membongkar keindahan bahasa yang mencakupi makna pantun dari aspek kuplet-kuplet pembayang dan kuplet-kuplet maksud pada aras yang lebih baik agar pentafsiran makna metafora dapat menguji daya menaakul pelajar.





1.7.3 Menambah Pengetahuan Sebagai Rujukan Khazanah Alam Melayu

Penghuraian metafora berasaskan bunga dalam pantun Melayu bersifat inkuisitif, iaitu perincian analisis menghubungkan aspek makna dan konteks serta rujukan anteseden sehingga menyerlahkan akal budi atau mesej penciptanya. Hasil dapatan kajian berasaskan khazanah alam Melayu ini akan membantu mengumpulkan segala pantun yang mempunyai metafora berasaskan bunga dalam Karya Agung *Pantun Melayu: Bingkisan Permata* koleksi Harun Mat Piah (2001). Masyarakat boleh merujuk hasil kajian ini bagi menambahkan pengetahuan mahupun membuat penambahan kajian pada masa akan datang. Pantun banyak diguna, namun sebab-sebab pantun yang berlambangkan bunga kurang dikaji, diketahui dan diberi perhatian. Antara



justifikasi dari sudut keestetikaannya, pengetahuan berkaitan metafora berasaskan bunga dalam pantun Melayu akan dapat menjadi rujukan berikut;

i. Suatu panduan nilai positif warisan adat dan kebudayaan Melayu

Dengan adanya kajian ini, masyarakat didedahkan dengan nilai-nilai yang bersifat positif yang telah sedia ada dalam masyarakat Melayu. Kajian ini juga akan membantu masyarakat dalam mengetahui bahawa metafora bunga dalam pantun yang dihasilkan mempunyai nilai-nilai estetikanya tersendiri dan mempunyai lambang tersirat. Hasil dapatan kajian ini, dapat memberi pengetahuan dan pengajaran kepada golongan remaja mahupun yang masih





muda supaya tidak meninggalkan khazanah bangsa Melayu yang bernilai ini.

ii. Pantun ialah alat hubungan manusia dengan alam

Kajian pantun bersumber unsur alam, iaitu bunga. Pandangan semesta, *welstanchaung* dapat diterokai melalui kajian pantun, khususnya meneliti metafora berasaskan bunga kerana bunga sebagai simbol budaya dan adat Melayu. Metafora berasaskan bunga bertindak sebagai landasan orientasi kepada pemikiran warga Melayu yang unggul dan identiti yang *indigeneous*.

iii. Meningkatkan pemahaman dalam kesantunan bahasa berkias

Penghuraian metafora berasaskan bunga dalam pantun Melayu dihuraikan secara berteori untuk memastikan hasil dapatan bersifat sahih dan jelas (autentik). Masyarakat Melayu memperlihatkan kehalusan budi melalui penggunaan bahasanya. Pantun menjadi alat hubungan manusia dengan alam dan melahirkan manusia yang bernama ‘Melayu’ menjadi bangsa yang mempunyai nilai budaya, berbudi bahasa serta kesantunan dalam berbahasa.

1.8 Definisi Operasional

Konsep-konsep yang difokuskan merupakan konsep-konsep yang penting bagi menjelaskan fokus kajian ini.





1.8.1 Pengertian Metafora

Secara etimologis, kata “metafora” berasal dari bahasa Yunani, iaitu meta yang bermaksud di atas dan “pherein” atau memindahkan. Dengan demikian, menurut Classe (2000: 941) mengungkapkan bahawa metafora merupakan pengalihan citra, makna, atau kualiti sebuah ungkapan kepada suatu ungkapan lain. Pengalihan tersebut dilakukan dengan cara merujuk kepada suatu konsep lain untuk mengisyaratkan kesamaan, analogi atau hubungan kedua konsep tersebut. Metafora juga bermakna menembus, yang bererti menembus makna linguistik. Metafora termasuk dalam bahasa kiasan atau majas seperti perbandingan tetapi tidak mempergunakan kata pembanding. Metafora menerangkan suatu hal yang sama atau memiliki nilai yang sama dengan hal yang lain, tapi sebenarnya berbeza.



Menurut Aristotle yang menyatakan bahawa metafora merupakan sarana berfikir yang sangat efektif untuk memahami suatu konsep abstrak, yang dilakukan dengan cara memperluas makna konsep tersebut dengan cara membandingkannya dengan suatu konsep lain yang sudah dipahami. Melalui perbandingan itu terjadi pemindahan makna dari konsep yang sudah difahami kepada konsep abstrak.

Lakoff dan Johnson (1987) menyatakan bahawa metafora berlangsung dalam proses berfikir. Metafora menghubungkan dua ranah konseptual, yang disebut ranah sumber (source domain) dan ranah sasaran (target domain). Ranah sumber terdiri dari sekumpulan entiti, atribut atau proses yang terhubung secara harfiah, dan secara semantis terhubung dan tersimpan dalam pikiran. Ranah sasaran cenderung bersifat lebih abstrak dan mengikuti struktur yang dimiliki ranah sumber melalui pemetaan





ontologis. Pemetaan inilah yang disebut metafora konseptual yang mengkaji persamaan dan perbezaan dalam idea-idea serta gaya olahan makna bunga dalam pantun.

1.8.2 Metafora Berasaskan Bunga

Metafora berasaskan bunga seperti bunga digunakan untuk menggambarkan satu keadaan atau kenyataan di alam pengalaman pemakai bahasa, misalnya metafora berasaskan perlambangan *bunga mawar dan bunga melati*.

Metafora berasaskan tumbuhan tersebut bersifat abstrak, dan membawa makna tersirat. Contoh pantun seperti yang berikut :-



*Bunga mawar banyak berduri,
Disunting gadis muda belia,
Jangan dikejar gunung berlari,
Hilang kabus nampaklah dia.*

(Sumber: Lima Puluh Pantun Setia Mulia;1965)

Penggunaan metafora berasaskan bunga dalam pantun adalah sebagai unsur alam. Penggunaan bunga sebagai satu metafora dalam pantun menunjukkan si pemantun mengaitkan sesuatu yang luar daripada maksud sebenarnya.

Pantun tersebut menunjukkan penggunaan metafora berasaskan bunga mawar yang cantik, namun berduri. Jika diteliti sifat bunga (bunga mawar), bunga tersebut berwarna merah dan menarik minat para gadis untuk memilikinya. Apabila





seseorang memetik bunga mawar hendaklah penuh berhati-hati kerana batangnya penuh dengan duri kecil. Metafora berasaskan bunga mawar dalam pantun ini bermaksud jangan terlalu gopoh mengejar sesuatu. Gunung sememangnya tidak akan lari atau berubah namun digunakan sebagai maksud berlari, pantun ini menggunakan metafora berasaskan bunga mawar, namun tidak merujuk kepada mana-mana wanita mahupun gadis, penggunaan metafora bunga mawar ini lebih merujuk kepada sifat alam, iaitu tidak akan berubah. Walaupun bunga mawar cantik dan berbau harum, namun fizikalnya masih berduri. Begitulah juga dengan kehidupan, jangan terlalu mengejar sesuatu, jika tiba saatnya akan menjadi milik kita juga. Metafora berasaskan bunga ditafsir secara abstrak ke konkrit untuk mendapat perluasan makna.



1.8.3 Metafora Berasaskan Bunga Sebagai Perlambangan Sifat Manusia

Metafora berasaskan tumbuhan sebagai perlambangan sifat manusia banyak digunakan dalam pantun Melayu terdahulu. Kebanyakan pantun pada zaman dahulu menggunakan alam sekitar sebagai lambang bahasa yang indah atau mencerminkan budi seseorang. Dalam karya agung pantun, iaitu Pantun Melayu 1958, Jakarta, Dinas Penerbitan Balai Pustaka (PMBP) dari Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata koleksi oleh Harun Mat Piah (2001). Metafora bunga cempaka dibandingkan sebagai sifat manusia.





Misalnya:

*Bunga cempaka ditebang rebah,
Kakinya sudah bercendawan,
Bonda kita pergi ke sawah,
Adik di rumah tak berkawan.*

(Sumber: Pantun Melayu; 1958)

Pantun tersebut merupakan contoh pantun yang menggunakan metafora berasaskan bunga di dalamnya. Bunga cempaka dalam pantun tersebut menjadi pembayang kepada bonda atau ibu. Bandingan seorang wanita yang bergelar ibu sebagai bunga cempaka. Seorang ibu atau wanita yang melahirkan anak tidak dibandingkan dengan sesuatu yang tidak sedarjat dengan pengorbanannya, namun dibandingkan dengan sejenis tumbuhan, iaitu bunga yang indah yang berbau harum.

1.8.4 Metafora Berasaskan Bunga Melambangkan Sifat Perasaan

Metafora berasaskan bunga yang melambangkan sifat perasaan menggunakan leksikal bunga untuk dijadikan sebagai metafora sebagai pembayang kepada maksud dalam pantun tersebut. Pemantun memilih menggunakan leksikal bunga sebagai metafora agar maksud pantun tersebut dapat disampaikan dengan cara berkias dan berhemah, misalnya:-

*Bunga kenanga di atas kubur,
Sayang selasih burung angkasa,
Apa guna sombong takbur,
Akhirnya badan rosak binasa.*

(Sumber: Perincis Pantun; 1958)





Pantun tersebut menunjukkan bahawa penggunaan metafora berasaskan bunga kenanga. Jika dilihat ciri-ciri bunga kenanga ialah berwarna kuning atau putih. Bunga kenanga dikenali dengan bunga yang sangat wangi dan pada zaman dahulu orang tua-tua menggunakan bunga kenanga sebagai wangian. Orang-orang tua akan memetik bunga ini dan menyimpan di dalam pakaian agar pakaian tersebut menjadi wangi. Namun, metafora berasaskan bunga kenanga dalam pantun tersebut menyimpang dari maksud sebenar bunga kenanga. Bunga kenanga yang harum ditabur di atas kubur-kubur sememangnya tempat yang menyeramkan dan ditakuti. Bunga kenanga walaupun berbau harum, namun jika ditabur di atas kubur apalah guna lagi keharumannya. Sekadar mewangikan kubur dan bukan untuk dijadikan sebagai benda yang bernilai lagi. Maksud sebenar pemantun, tiada guna bersikap sombong kerana akhirnya diri sendiri juga yang akan binasa. Metafora berasaskan tumbuhan digunakan dalam membuat pengkajian bagi menjelaskan maksud pantun ke kepada khalayak.

1.8.5 Variasi Makna Metafora Berasaskan Bunga Dalam Pantun Melayu

Tumbuhan atau alam semulajadi terutamanya bunga banyak digunakan dalam pantun Melayu. Keistimewaan alam Melayu yang penuh dengan kepelbagaian bunga menyebabkan para pemantun senang menggunakan metafora berasaskan bunga dalam pantun. Penggunaan pantun bukan sekadar merujuk kepada gadis semata-mata mengikut kepada koleksi pantun oleh Harun Mat Piah (2001), namun dapat digolongkan dalam pelbagai kategori. Misalnya, dalam Kumpulan Pantun Melayu: Bingkisan Permata (2001), melalui pantun R.O Winstedr dan R.J Wilkinson (Peny;





1961) metafora berasaskan bunga banyak digunakan dalam pantun adat dan resam manusia, pantun agama, pantun budi dan sebagainya;-

*Lebat daun bunga tanjung,
Berbau harum bunga cempaka,
Adat dijaga pusaka dijunjung,
Baru terpelihara adat pusaka.*

(Sumber: Pantun Melayu:1961)

Pantun tersebut menunjukkan bahawa sememangnya penggunaan bunga dalam konteks pantun telah lama digunakan dalam masyarakat Melayu. Metafora berasaskan bunga tanjung dan bunga cempaka dijadikan sebagai metafora dalam pantun adat, iaitu menyuruh setiap anak-anak menjaga adat dan memelihara adat.

Penggunaan metafora berasaskan bunga tersebut menunjukkan bahawa sifat bunga tanjung dan cempaka yang merupakan bunga tempatan sesuai dijadikan sebagai metafora bagi maksud pantun sebagai bahasa kiasan bagi memelihara adat agar terus berkekalan di bumi Melayu.

*Menanam bunga di dalam pasu,
Bunga melati dan bunga pandan,
Jangan ikut hawa nafsu,
Kelak nanti binasa badan.*

(Sumber: Rangkaian Sastera Melayu; 1957)

Pantun di atas menggunakan metafora berasaskan bunga melati dan bunga pandan dalam pembayang. Bunga pandan sebagai metafora bagi bahasa kiasan jati diri. Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, iaitu metafora berasaskan bunga yang berupa objek konkrit, namun digunakan dalam idea yang abstrak, tetapi antara





kedua-duanya mempunyai hubung kait dan persamaan. Bunga melati yang biasanya dikaitkan dengan bunga leluhur, begitu juga bunga pandan yang biasanya dikaitkan dengan tumbuhan meliar merupakan kiasan bersifat fitrah manusia yang memiliki hawa nafsu agar mengawalinya dengan baik.

1.8.6 Metafora Berasaskan Bunga Dalam Puisi Nama Orang

Metafora berasaskan bunga yang mengguna nama orang turut ada bait - bait dalam pantun menggambarkan perwatakan orang yang dimaksudkan. Meskipun penggunaan metafora berasaskan bunga sebagai nama orang dalam pantun kurang didapati, namun terdapat beberapa pantun dapat menunjukkan pemantun tetap menggunakannya. Misalnya;



*Cik Langsuir menikam pari,
Pari ditikam tombak senangin,
Bukan saya sengaja ke mari,
Dihantar ombak ditumpu angin.*

(Sumber:Hikayat Awang Sulung Merah Muda)

Langsuir merupakan sejenis tumbuhan (pakis), atau nama saintifiknya ialah *Cyclophorus*. Pokok langsuir seringkali dikaitkan dengan hantu perempuan yang berambut panjang dan bertenggek di pokok. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), langsuir juga dikaitkan dengan hantu perempuan yang berlubang belakangnya (suka mengganggu orang mengandung dan biasanya mengilai), ataupun dipanggil puntianak. Langsuir seringkali berterbangan apabila hendak ke mana-mana, jika dilihat makna pantun tersebut, iaitu langsuir tersebut datang tidak diundang dan pergi





tidak dihantar begitulah juga hasrat hati si pemantun, bukan hasrat hatinya untuk datang.

*Cik Ros pergi pekan,
Hendak membeli ubi keladi,
Bukan kurus kerana tak makan,
Kurus kerana merindu hati.*

(Sumber: Pantun Melayu : 1958)

Pantun tersebut menunjukkan bahawa penggunaan metafora berasaskan tumbuhan bunga ros dalam pembayang. Cik Ros dikaitkan dengan bunga ros, iaitu ciri-ciri bunga ros ialah kelopak bunganya berwarna merah, namun batangnya panjang dan kurus. Kuplet maksud dalam pantun tersebut ialah metafora berasaskan bunga ros. Bunga ros, batangnya panjang dan kurus. Dalam baris ketiga dan keempat, mengatakan bahawa bukan hasrat hatinya untuk tidak makan, namun kerana dek perasaan rindu dikiaskan seperti warna bunga ros yang merah menyebabkannya seseorang itu tidak berselera untuk makan.

1.9 Pantun Melayu

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014), bahasa tersirat yang terakam banyak dalam pantun dianggap sebagai ketinggalan zaman oleh sesetengah orang sebenarnya menjadi medan pengasahan minda orang Melayu. Pantun merupakan genre puisi yang paling banyak dizahirkan oleh masyarakat Melayu. Pantun merupakan puisi Melayu tradisional yang paling popular. Pantun mampu menarik minat para sarjana untuk menjalankan kajian berkenaan dengan pantun. Pengkaji tempatan mahupun luar





negara seperti Za'ba (1927), dan Harun Mat Piah (2001) banyak mencurahkan idea dalam mengkaji pantun. Keistimewaan dalam pantun adalah gaya bahasanya. Pantun mengetengahkan pelbagai jenis gaya bagi para pembaca, mahupun pendengar tertarik dan seterusnya tertanya-tanya apakah maksud pantun tersebut. Menurut Hassan Ahmad (2003:24), Kebenaran atau maksud pantun Melayu merupakan kebenaran berdasarkan pengalaman pemikir (pemantun) Melayu. Pengalaman ini datangnye dari dua sumber iaitu, luar diri pemantun, alam kenyataan (alam empirikal) dan kedua dalam diri pemantun, persepsinya (perasaan).

Pantun dilihat menjadi langgam utama dalam dendangan rakyat seperti boria, dondang sayang, rentak kuda dan dikir barat. Selain daripada nyanyian dan dendangan rakyat, pantun juga digunakan dalam acara formal seperti majlis meminang dan majlis perkahwinan. Juru acara kadangkala akan menggunakan pantun sebagai pemula bicara majlis, bahkan menggunakan pantun sebagai bahasa kiasan dalam menarik perhatian tetamu yang datang.

Pantun mempunyai fungsi yang fungsional, iaitu dapat digunakan dalam kegiatan sosial, sebagai hiburan, pengajaran, pengisi acara dan sebagai upacara ritual. Misalnya, dalam beberapa kegiatan budaya, iaitu *mukun* dan *bagandang* di Brunei Darussalam, kegiatan ini diadakan dalam majlis perkahwinan dan pertemuan sosial. Kegiatan ini akan diiringi dengan gendang dan muzik tradisi pada masa yang sama akan disertai dengan tarian. Tradisi ini masih dijalankan dan popular di Sabah dan Sarawak. Misalnya, pantun di bawah ialah pantun pemula dalam majlis perkahwinan.





*Bukan Lebah sebarang lebah,
Lebah bersarang di pohon buluh,
Bukan sembah sebarang sembah,
Sembah bersusun jari sepuluh.*

(Sumber: Pantun Melayu ;195)

a) **Pantun sebagai gambaran kehidupan masyarakat Melayu**

Keistimewaan pantun yang paling utama ialah dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu melalui rangkap-rangkap yang dibina. Kenyataan ini telah diakui sendiri oleh Aripin Said (1994) yang menyatakan bahawa setiap pantun memberikan satu satuan fikiran yang sehati dengan kehidupan yang mana sindir menyindir dan kias ibarat memainkan peranan dalam menyampaikan buah fikiran agar indah disampaikan dalam bentuk pantun.

Selain itu, pantun dicipta untuk memenuhi pelbagai fungsi dan keadaan. Menurut Alwi Salim (1983), pantun dapat digunakan dalam pelbagai aspek, iaitu sebagai proses sosialisasi ataupun mendidik, misalnya untuk tujuan menasihati atau membentuk sifat moral yang baik dalam kalangan kanak-kanak, dewasa ataupun orang tua. Hal ini dapat dibuktikan dengan wujudnya pantun kanak-kanak, pantun dewasa dan pantun orang tua. Selain itu, wujud juga pantun mengenai kasih sayang, pantun sindiran, pantun budi, pantun teka-teki dan sebagainya.

. Pantun Melayu karya istimewa yang mempunyai unsur kreatif oleh si pemantun. Tema dan isi pantun dapat disoroti daripada pelbagai fungsi dan pemakaiannya dalam kehidupan masyarakat sehari-hari.





b) Pantun sebagai pemberi nasihat

Pantun jika digunakan dalam memberi nasihat dilihat lebih berkesan berbanding menasihati secara terus terang. Hal ini dikatakan bahawa penyampaian nasihat secara terus terang lebih dianggap kasar, namun jika menggunakan pantun dalam memberi nasihat lebih menandakan kehalusan bahasa dan tidak kasar. Amalan hidup dalam memberi nasihat secara halus memancarkan daya kehalusan dalam cara bertindak memberi tunjuk ajar, memberi panduan atau menyatakan pengajaran kepada kanak-kanak, golongan dewasa ataupun orang tua. Hashim Awang (1993) turut mengakui bahawa Masyarakat Melayu sememangnya kerap menggunakan bahasa kiasan berbanding berterus terang.



Tunjuk ajar ataupun teguran yang diberi melalui kata-kata indah atau bahasa berkias dapat mengelakkan seseorang itu daripada berkecil hati. Malah, gaya bahasa yang digunakan akan membawa kepada sikap membuat refleksi sehingga seseorang itu beroleh kesedaran. Misalnya, anak-anak muda seringkali tersilap jalan dalam usia yang muda, mereka kerap mengambil jalan yang mengakibatkan kemusnahan diri. Pantun di bawah merupakan pantun nasihat atau pantun pengajaran:

*Daun terap di atas dulang,
Anak udang mati dituba,
Dalam kitab ada terlarang,
Perbuatan haram jangan dicuba.*

(Sumber: Pantun Melayu;1958)

Hal yang sama juga jika berkata-kata dengan orang lain, segala pertuturan kata hendaklah dijaga agar tidak menyakitkan hati atau menyinggung hati orang lain. Seeloknya difikirkan atau disusun dahulu ayat agar sebelum menceritakan sesuatu





kepada orang lain. Misalnya, pantun di bawah menunjukkan pantun mengenai berhati-hati dalam berbicara:

*Alam pura Raja Mahkota,
Pergi berperang ke negeri Basanah,
Ingat-ingat mengeluarkan kata,
Zaman sekarang banyak fitnah.*

(Sumber: Pantun Melayu;1958)

c) Pantun sebagai sindiran atau cacian halus

Terdapat beberapa pendapat mengatakan bahawa sindiran atau cacian halus hampir sama dengan nasihat, namun terdapat pantun yang khusus dalam memberi maksud sindiran. Penggunaan pantun dalam hal ini bertujuan untuk mengelakkan penggunaan bahasa kasar ataupun tajam semasa menyindir perbuatan seseorang yang tidak baik. Ini dikaitkan dengan adab masyarakat Melayu ketika berbicara. Budaya masyarakat Melayu yang kaya dengan kehalusan dan kesopanan ketika berbual menampilkan bentuk-bentuk bahasa yang mengandungi metafora ketika berbual.

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1993), masyarakat Melayu dalam menyampaikan mesej akan dibicarakan dengan gaya yang sopan dan tertutup. Sopan dan tertutup di sini ialah bermaksud mesej yang disampaikan diselindungi dengan tutur kata yang manis, namun masih dapat difahami isi tersiratnya, dan nyata jarang sekali berlaku kesilapan pentafsiran maklumat.

Pernyataan ini mencerminkan cara menghindarkan timbulnya perasaan terkilan, tersinggung atau rasa kurang senang ketika berkomunikasi, maka pertuturan tersebut dilapik atau disampaikan dengan menggunakan metafora agar difahami oleh





si pendengar. Hal ini sesuai dengan prinsip kesopanan Leech (1990), iaitu seorang penutur hendaklah meminimumkan kos kepada orang lain dan sebaliknya memaksimumkan manfaat kepada orang lain. Contohnya, pantun di bawah ialah sindiran kepada orang yang banyak bercakap sehingga tidak mempedulikan orang sekeliling.

*Hari malam pasang pelita,
Datang ribut tutupkan tingkap,
Macam murai leka bercerita,
Tak sedar bayan pandai bercakap.*

(Sumber: Pantun Melayu;1958)

Sindiran yang disampaikan melalui pantun dapat dilihat sebagai adab masyarakat Melayu yang penuh dengan kesopanan dan budi bahasa. Menurut Zahir Ahmad (1988) sesebuah pantun yang dihasilkan menekankan nilai-nilai pendidikan sebagai usaha ke arah pembentukan akhlak yang mulia. Namun demikian, pantun yang dihasilkan bukan bermaksud hanya menyampaikan sesuatu yang baik dari awal hingga akhir. Sebaliknya, sindiran yang cuba disampaikan boleh bersifat positif atau negatif untuk dijadikan pengajaran dan pedoman ke arah pembentukan adab masyarakat.

d) Pantun sebagai bahasa pujian

Pantun juga kerap kali digunakan sebagai medium memuji seseorang. Pujian yang disampaikan menggunakan pantun bukan sahaja enak dan halus didengar, malahan boleh menyenangkan hati orang yang mendengarnya. Menurut Asmah Haji Omar





(1991), dalam budaya Melayu sesuatu pujian biasanya akan ditolak kerana Melayu tidak biasa menerima pujian daripada orang lain walaupun pujian tersebut adalah ikhlas. Dalam hal ini, besar kemungkinan seseorang yang menerima pujian daripada orang lain akan menganggap tidak sopan dalam masyarakat Melayu.

Oleh itu, percakapan yang berlapis, menggunakan kiasan, metafora dan secara tidak langsung merupakan salah satu ciri yang penting dalam budaya Melayu. Misalnya, pantun di bawah ialah pantun memuji akan keperibadian seseorang:

*Banyak itik anak itik,
Turun ke sawah makan padi,
Tengok cantik dipandang cantik,
Tambah pula berhati budi.*



Pantun di atas menunjukkan pujian yang ditujukan kepada seseorang. Pujian tersebut disampaikan dengan penuh kiasan, berlapis dan sopan santun. Seseorang yang dipuji dengan menggunakan pantun dan bahasa yang sopan dengan penuh tertib dapat menerima dan tidak merasa malu dengan pujian jika menggunakan pantun.

1.10 Kesimpulan

Bab ini jelas memberikan suluhan yang terarah berkaitan fenomena metafora berasaskan tumbuhan, iaitu bunga yang dibincangkan dalam konteks bahasa figuratif seperti pantun dalam aspek pendefinisian, isu dan masalah, objektif serta kepentingan dan sumbangan kajian. Ketajaman daya taakul pengkarya dalam mencipta pantun





perlu dihargai dan ditelusuri secara berilmiah. Pembaca perlu dimaklumkan secara telus dan tuntas berkaitan konsep pantun dan intipatinya sebagai wadah leluhur bangsa dan peradaban masyarakat. Jika diamati, proses penciptaan pantun banyak dipengaruhi oleh kemampuan pemikiran dan pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sentiasa berinteraksi dengan alam sekitar. Upaya masyarakat menghasilkan makna tersirat yang terakam dalam pantun, membuktikan bahawa masyarakat Melayu menjadikan wahana ini sebagai medan pengasahan minda Melayu.

